

# Strepsils Warm Ginger Lozenges

Amylmetacresol 0.600mg;  
Dichlorophenylcarbinol 1.200mg

---

## Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Strepsils Warm Ginger Lozenges
2. Bagaimana Strepsils Warm Ginger Lozenges berfungsi
3. Sebelum menggunakan Strepsils Warm Ginger Lozenges
4. Cara menggunakan Strepsils Warm Ginger Lozenges
5. Semasa menggunakan Strepsils Warm Ginger Lozenges
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Strepsils Warm Ginger Lozenges
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Strepsils Warm Ginger Lozenges

Strepsils Warm Ginger Lozenges mengandungi dua bahan antiseptik untuk kegunaan pengubatan kerongkong. Ianya digunakan untuk kelegaan simptom jangkitan mulut dan tekak. Kedua-dua bahan ini adalah antiseptik sederhana yang membunuh bakteria berkaitan dengan jangkitan mulut dan kerongkong. Tindakan menghisap gula-gula ubat membolehkan bahan aktifnya untuk bertindak di bahagian ketidakselesaan dan juga membantu melincir serta melegakan bahagian yang sakit. Ini membantu meredakan kesakitan dan ketidakselesaan jangkitan mulut dan kerongkong.

## Bagaimana Strepsils Warm Ginger Lozenges berfungsi

Ubat ini membantu melegakan ketidakselesaan dan kesakitan sakit tekak. Ia mengandungi *Amylmetacresol* dan *Dichlorophenylcarbinol* yang membunuh kuman yang menyebabkan sakit tekak.

Ubat ini boleh didapati dalam bentuk lozenges yang perlahan-lahan larut dalam mulut apabila dihisap.

## Sebelum menggunakan Strepsils Warm Ginger Lozenges

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil produk ini sekiranya anda:

- Alah (hipersensitif) kepada *Amylmetacresol*, *Dichlorophenylcarbinol* atau sebarang bahan tidak aktif yang lain
- Anda tidak tolerans kepada sesetengah gula seperti fruktosa, glukosa-galaktosa dan sukrosa-isomaltosa.
- berumur di bawah 6 tahun.

## Mengandung dan penyusuan ibu

Penggunaan produk ini adalah tidak disyorkan jika anda rasa anda mengandung, mengandung atau menyusukan bayi.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat sebelum mengambil sebarang ubatan.

### -Sebelum menggunakan Strepsils

#### Warm Ginger

Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda:

- mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubatan lain termasuk ubatan yang didapati tanpa preskripsi.
- Pernah mengalami atau sedang mengalami sebarang masalah kerongkong yang lain

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Strepsils Warm Ginger Lozenges

### -Berapa banyak harus digunakan

Keluarkan sebiji lozenge daripada foil pembungkusan. Masukkan semula foil pembungkusan ke dalam kotak. Letakkan lozenge ke dalam mulut dan biarkan ianya larut dengan perlahan-lahan. Larutkan sebiji lozenge dengan perlahan di dalam mulut setiap 2-3 jam. Orang dewasa, Kanak-kanak (berumur 6 tahun ke atas) dan orang tua – Sebiji lozenge yang dilarutkan dengan perlahan-lahan di dalam mulut setiap 2-3 jam sehingga maksimum 12 lozenge dalam 24 jam.

Penggunaan produk ini adalah tidak disyorkan bagi kanak-kanak berumur di bawah 6 tahun.

Beringatlah bahawa kanak-kanak kecil mungkin tercekik akibat gula-gula ubat.

### -Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

# Strepsils Warm Ginger Lozenges

Amylmetacresol 0.600mg;  
Dichlorophenylcarbinol 1.200mg

---

## **Jika anda mengambil produk ini lebih daripada yang sepatutnya**

Anda mungkin mengalami ketidakselesaan perut. Jangan ambil lagi produk ini dan dan rujuk doktor atau ahli farmasi anda.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## **Semasa menggunakan Strepsils Warm Lozenges**

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Strepsils Warm Ginger Lozenges.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Strepsils Warm Ginger Lozenges dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian *Memandu dan menggunakan jentera*

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau

mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Strepsils Warm Lozenges boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers - >Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Strepsils Warm Ginger Lozenges**

### -Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Gula-gula ubat bulat berwarna merah ke ungu dengan rasa bersifat plum dan halia hangat. Icon Strepsils berada di kedua-dua belah gula.

## - Bahan-bahan kandungan

### - Bahan aktif

*Amylmetacresol 0.600mg;  
Dichlorophenylcarbinol 1.200mg*

### - Bahan tidak aktif

*Tartaric Acid, Liquid Glucose, Anthocyanins (E163), Refined Sugar, Medium Chain Triglycerides, Fruity Plum Flavour, Soothing Cream Flavour, Warm Sensation Flavour, Warm Ginger Flavour, Purified Water.*

## - Nombor MAL

MAL16025027X

## **Pengilang:**

Reckitt Benckiser Healthcare Manufacturing (Thailand) Ltd., 65 Moo 12, Lardkrabang-Bangplee Road, Bangplee, Samutprakarn, 10540, Thailand.

## **Pemegang Pendaftaran Produk:**

RB (Health) Malaysia Sdn Bhd (1297081-V)  
Level 17, Menara One Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Careline number: 1800-888-889

## **Tarikh Kemaskini RiMUP:**

07/10/2019